

6 bulan hingga setahun tempoh penyesuaian GST, kata timbalan menteri

The Malaysian Insider

March 31, 2015

Oleh Diyana Ibrahim

Putrajaya menganggarkan tempoh dari 6 bulan hingga setahun diperlukan bagi rakyat Malaysia bagi menyesuaikan diri dengan pelaksanaan cukai barangan dan perkhidmatan (GST) yang akan berkuatkuasa pada esok.

Timbalan Menteri Kewangan Datuk Chua Tee Yong berkata, tempoh penyesuaian bagi penerimaan cukai yang baru sebegini merupakan senario biasa bagi kebanyakan negara dalam pelaksanaan GST.

"Di setiap negara yang melaksanakan GST, mereka perlu masa untuk menyesuaikan diri, bukan sahaja peniaga, tapi juga termasuk orang awam.

"Kita anggar tempoh begini biasanya dari 6 bulan hingga setahun. Ini berlaku bukan sahaja di negara kita, tapi kebanyakan negara yang melaksanakan GST menghadapi senario begini," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen hari ini.

Menjelang pelaksanaan GST bermula secara rasminya esok, rakyat ada yang dalam keadaan panik kerana tidak jelas mengenai cukai tersebut.

Pelaksanaan GST bertujuan menambah hasil pendapatan kerajaan tetapi ia ditentang pembangkang kerana sistem cukai itu dilihat membebankan rakyat.

Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad juga memberi gambaran sokongan kepada kerajaan Barisan Nasional (BN) akan merosot sekiranya orang ramai dibebani dengan cukai yang terlalu banyak yang diperkenalkan.

Pengenalan GST dikatakan bakal meningkatkan kos rawatan perubatan dan kesihatan, malah bahan api RON97 juga bakal dikenakan cukai tersebut, begitu juga perniagaan dalam talian dan beberapa barang keperluan asas.

Chua juga yakin lama-kelamaan rakyat akan dapat menerima cukai baharu tersebut dan pada masa sama, kerajaan melalui pihak kastam juga akan menambahbaik perkhidmatannya bagi melancarkan urusan GST.

"Setiap pelaksanaan yang ada perubahan keseluruhan perlukan masa. Namun lama kelamaan mereka akan biasa dengan GST ini."

Katanya, kementerian juga meminta kastam menggerakkan talian "hotline" yang buat masa ini katanya mempunyai sedikit kelemahan.

"Dalam tempoh ini, terlalu banyak panggilan orang ramai. Jadi saya minta pegawai perbaiki kelemahan itu dan menghantar lebih ramai pegawai.

"Kita juga minta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan melancarkan aplikasi telefon pintar bagi pertanyaan dan aduan."

Beliau juga menolak dakwaan pelaksanaan GST akan memusnahkan perniagaan kedai runcit kecil-kecilan sepertimana yang berlaku di Singapura.

"Kementerian memahami isu ini. Kita ada berjumpa dengan persatuan runcit untuk menolong mereka. Kita juga ada mengeluarkan buku panduan GST.

"Mereka ini perniagaan terjejas bukan kerana cukai ini, tapi kerana tidak ada waris dan wujud persaingan dari pasaraya besar." – 31 Mac, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/6-bulan-hingga-setahun-tempoh-penyediaan-gst-kata-timbangan-menteri>